

Pemuda MCA tak mahu jawatan kerajaan jika kalah teruk PRU
The Malaysian Insider
01 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 1 Okt — Pemuda MCA meluluskan usul tidak akan menerima sebarang jawatan dalam kerajaan jika prestasi parti itu pada pilihan raya umum ke-13 merosot berbanding tiga tahun yang lalu sebagai tanda menyokong keputusan Presidennya Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

Ia antara 17 resolusi diluluskan oleh Pemuda MCA pada perhimpunan agungnya hari ini.

Dr Chua mengumumkan pendirian itu bulan lalu dan menerima reaksi berbelah bahagi dari dalam dan luar parti komponen Barisan Nasional (BN) itu.

Perwakilan Pemuda MCA mencapai tiga resolusi melibatkan hal ehwal parti, lima politik, tiga pendidikan, empat berkaitan ekonomi dan dua berhubung hal ehwal sosial.

Selain itu, Pemuda MCA mencadangkan supaya kerajaan menetapkan satu sistem pengagihan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telus dan lengkap serta mengambil tindakan tegas terhadap pelajar tajaan agensi itu yang melanggar perjanjian.

Sayap MCA itu juga menggesa parti melatih anggota muda bagi mempercepatkan proses pembaharuan dalam kepimpinan serta memberi peluang kepada lebih ramai pemimpin Pemuda MCA untuk mewakili BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, pergerakan itu mahu MCA mempertimbangkan semula cadangan meluluskan resolusi agar semua Pemuda MCA di setiap bahagian boleh memilih seorang perwakilan ke perhimpunan agung MCA bagi meningkatkan bilangan perwakilan serta suara golongan muda.

Laporan Bernama Online menyebut resolusi itu juga menyokong penuh Gagasan 1 Malaysia, Program Transformasi Kerajaan dan Petunjuk Prestasi Utama yang diketengahkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, di samping menggesa JPA meningkatkan bilangan penjawat awam dari kalangan kaum Cina di peringkat pegawai kanan di setiap jabatan bagi menonjolkan konsep 1 Malaysia.

Pemuda MCA menyokong usaha Najib memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi mempertingkatkan kebebasan media di negara ini, dan berharap kerajaan memansuhkan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Pergerakan itu juga mahu kerajaan lebih telus dan tegas dalam pelaksanaan tender projek pembinaan bagi menghasilkan projek lebih berkualiti dan mengelak projek bermasalah.

Resolusi itu turut mengkritik pakatan pembangkang yang tidak berani membuat pendirian sebulat suara secara terbuka terhadap isu pelaksanaan hukum hudud.

Sayap parti MCA itu turut meminta kerajaan mengadakan latihan vokasional menggunakan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar untuk pelajar Cina dan India yang tercicir daripada pendidikan sekolah.

Resolusi itu juga mencadangkan lebih banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dibina.

Selain itu, Pemuda MCA mahu melihat prosedur pengupahan pekerja asing dipermudah dan undang-undang dikuatkuasakan dengan tegas bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang selain menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

Ia meminta penubuhan lebih banyak skim bantuan keusahawanan dan pakej pinjaman perumahan untuk golongan belia selain memudahkan prosedur permohonan.

Pemuda MCA menggesa kerajaan memandang berat masalah kenaikan harga barang yang dicetuskan peniaga selain bertindak terhadap aktiviti perjudian yang kian berleluasa.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-mca-tak-mahu-jawatan-kerajaan-jika-kalah-teruk-pru/>